



MAJLIS DAERAH JERANTUT

Sebut Harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor BUMIPUTERA yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dalam kelas dan jenis Pendaftaran yang berkaitan dan yang masih membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut :-

BIL	NO SEBUT HARGA & TAJUK PROJEK	TARAF & KELAS	KATEGORI	TEMPAT LAWATAN TAPAK	TARIKH LAWATAN TAPAK	TARIKH TUTUP SEBUT HARGA	HARGA SEBUTHARGA
1	MDJ/SH/04/15 /2018 BAIKPULIH TEBING RUNTUH DAN LONGKANG DI TAMAN PINE, JERANTUT	BUMIPUTERA G1	CE 01, CE21	DEWAN BANQUET MAJLIS DAERAH JERANTUT	06.07.2018 (JUMAAT) 9.00 PAGI	13.07.2018 (JUMAAT) 12.00 T.HARI	RM15.00
2	MDJ/SH/04/16/2018 BAIKPULIH CERUN DI TAMAN JERANTUT, JERANTUT	BUMIPUTERA G1	CE 01, CE21	DEWAN BANQUET MAJLIS DAERAH JERANTUT	06.07.2018 (JUMAAT) 9.00 PAGI	13.07.2018 (JUMAAT) 12.00 T.HARI	RM15.00

- Dokumen Meja Tawaran akan mula dipamerkan mulai **06 JULAI 2018 (JUMAAT)** pada waktu pejabat di **Bahagian Kontrak (Kauenter Jualan) Majlis Daerah Jerantut**, 27000 Jerantut, Pahang Darul Makmur
- Dokumen Sebut Harga akan dijual mulai dari **06 JULAI 2018** hingga **13 JULAI 2018** pada waktu pejabat. Bayaran bagi Dokumen Sebut Harga hendaklah dibuat dalam Ringgit Malaysia dan dalam bentuk Tunai Draf Bank / Wang Pos / Kiriman Wang Pos **SAHAJA**.
- Penender yang berminat adalah **DIWAJIBKAN** untuk menyertai lawatan tapak yang akan diadakan pada tarikh dan masa seperti yang telah ditetapkan. Penender dikehendaki melapor diri pada hari tersebut dengan membawa bersama sijil-sijil berikut semasa pendaftaran dijalankan dan **Wakil tidak dibenarkan**.
 - Perakuan pendaftaran **Asal** Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB)
 - Sijil **Asal** Pendaftaran Kontraktor Dengan Majlis Daerah Jerantut
 - Sijil Pendaftaran **Asal** Pusat Khidmat Kontraktor
 - Sijil **Asal** Pengiktirafan Taraf Bumiputera.
 - Kad Pengenalan **Asal**.
- Hanya **Pemilik Lesen** sahaja yang layak menghadiri lawatan tapak.
- Dokumen Sebut Harga hanya dikeluarkan kepada Kontraktor atau Wakil Kontraktor yang bertauliah dengan membawa surat wakil kuasa dari pegawai yang bertauliah seperti dalam sijil Pusat Khidmat Kontraktor. Wakil kontraktor hendaklah membawa Sijil Pendaftaran **Asal** yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB). Salinan - salinan Perakuan dan Sijil yang berkenaan boleh diterima jika disahkan oleh pejabat yang mengeluarkannya dan Sijil dari Majlis Daerah Jerantut.

6. Sebut harga ini ditutup pada **13 Julai, 2018 (Jumaat)**, dokumen sebut harga yang telah diisi dengan lengkap dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan hendaklah **dimasukkan ke dalam Peti Tender Majlis Daerah Jerantut tidak lewat jam 12.00 tengahari.**

7. Majlis Daerah Jerantut tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah ataupun mana-mana tawaran.

(WAN NORIZAN BINTI HJ. WAN BADARUZZAMAN, PKC.,)
Setiausaha
Majlis Daerah Jerantut

TARIKH: